

23/03/2004

Reaksi penggiat seni

"KEMENANGAN BN di Terengganu membuka peluang kepada golongan artis untuk bertapak semula di sana. Sebelum ini disebabkan faktor politik, kami tidak dapat ke sana." - Pengarah Urusan EMI/Pengerusi Persatuan Industri Music, Darren Choy

"HARAPAN saya sebagai warga seni agar kemenangan ini membuka ruang yang lebih luas kepada kami untuk mengembangkan aktiviti dan karya seni kami." - Pengerusi MACP, Habsah Hassan

"SAYA amat berbangga kerana insan seni juga tidak ketinggalan berkempen membantu jentera BN di beberapa kawasan seperti Rompin, Lembah Pantai dan beberapa kawasan di Kedah, Pulau Pinang dan Melaka." - Presiden Papita, M Daud Wahid

"ASAS dan landasan sudah diterajui Tun Dr Mahathir Mohamad dan kekuatan yang diteruskan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memberi kesinambungan untuk BN bagi menang dalam pilihan raya ini." - Pemuzik, Norman Abdul Halim

"SAYA berharap kerajaan akan membuka lebih ruang kepada insan seni untuk terus berkarya. Saya juga berharap kerajaan menggunakan filem sebagai medium untuk 'menjual' segala matlamat, hala tuju dan peranan kepada masyarakat." - Pelakon Filem Lelaki Popular, Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2003 (ABP-BH2003), Rosyam Nor

"INDUSTRI hiburan akan lebih bermakna bersama BN yang sentiasa memahami kehendak kami sebagai artis. Saya juga berharap kerajaan menubuhkan biro khas untuk menjaga kebajikan artis." - Pelakon Filem Wanita Popular, ABP-BH2003, Erra Fazira

"SAYA amat bangga dengan kemenangan luar biasa BN. Saya amat berharap masa depan kami sebagai pelakon akan lebih terjamin." - Pelakon Komedi Wanita Popular, ABP-BH2003, Sheila Rusly

"SAYA akan sentiasa menyokong usaha mendekatkan peminat kepada kerajaan. Justeru saya akan terus menerbitkan siri kepolisan, Gerak Khas iaitu usaha pihak polis membantu masyarakat." - Pengarah Urusan Skop Productions Sdn Bhd, Datuk Yusof Haslam

"ALHAMDULILLAH di atas kejayaan BN kali ini. Kejayaan BN sebagai bukti rakyat terus memberi kepercayaan kepada pucuk pimpinan BN, Datuk Seri Abdullah untuk memimpin negara." - Penyanyi Wanita Popular ABP-BH2003, Siti Nurhaliza

"TAHNIAH kepada BN di atas kejayaannya. Yang penting industri hiburan ketika ini terus berkembang kerana kestabilan ekonomi negara kita sentiasa menjanjikan peningkatannya bersama pucuk pimpinan BN." - Bintang Paling Popular 2003, ABP-BH2003, Saiful Apek